

16/02/1998

Kompromi bukan tolak prinsip demokrasi

PEKAN, Ahad - Langkah ahli Umno tidak mencabar calon tertentu atau bersetuju mengadakan kompromi dalam merebut jawatan peringkat bahagian, tidak bermakna Umno membuang prinsip demokrasi, sebaliknya ia dilakukan bagi memelihara perpaduan dalam parti.

Tindakan seumpama itu sekali gus membuktikan ahli Umno tidak mengutamakan kepentingan individu tertentu atau jawatan.

Ini juga selaras saranan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta ahli Majlis Tertinggi (MT) mengadakan majlis penerangan di kalangan ahli supaya mereka mengutamakan perpaduan.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pertandingan merebut jawatan dalam parti boleh menyebabkan berlaku kegawatan politik kerana wujud dua kumpulan yang menyokong pemimpin tertentu.

Berikutan itu, katanya, ahli Umno peringkat bahagian perlu mematuhi nasihat Dr Mahathir dengan mengamalkan budaya bermuafakat bagi memastikan perpaduan dan keharmonian parti terus terpelihara.

"Jika kita tidak mencabar sesiapa, tidak bermakna Umno tidak mengekalkan prinsip demokrasi kerana keputusan yang dibuat itu menunjukkan kita tidak mementingkan jawatan, sebaliknya mengutamakan perpaduan parti terus berkekalan.

"Ini kerana pertandingan merebut jawatan boleh menyebabkan berlaku perpecahan dan kegawatan politik berikutan setiap calon yang bertanding berhasrat untuk menang dan mereka juga mempunyai kumpulan penyokong sendiri," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian berkelompok mesyuarat cawangan Umno bahagian Pekan, di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Penerangan Umno Pahang, Datuk Adnan Yaakob dan Timbalan Ketua bahagian Umno Pekan, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman.

Najib yang juga Menteri Pendidikan, berkata Umno tidak menafikan hak ahlinya yang termaktub dalam perlembagaan walaupun ada nasihat supaya mereka perlu mengelak berlaku pertandingan merebut jawatan pada peringkat bahagian.

(END)